MAHATHIR-DOKTOR ' ' '
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI D R . MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU SENDIRI TELAH MENGARAHKAN SKIt? GAJI BARU BAGI DOKTOR KERAJAAN DILAKSANAKAN SEGERA.

*SAYA TELAH MELULUSKANNYA MINGGU LALU D A N ARAHAN UNTUK MELAKSANAKANNYA DENGAN SEGERA DATANG DARI SAYA SENDIRI,+KATA BELIAU.

PERDANA M E N T E R I MENEGASKAN DEMIKIAN BERIKUTAN RUNGUTAN OLEH PARA DOKTOR KERAJAAN BAHAWA KERAJAAN LAMBAT MELAKSANAKAN SKIM KENAIKAN PANGKAT BAGI MEREKA Y A N G DIUMUMKAN OLEH TIMBALAN PERDANA M E N T E R I ' DATUK MUSA HITAM APRIL TAHUN LALU.

HOSPITAL UNIVERSITI, TERUTAMANYA, Y A N G MERUNGUT TENTANG KERENDAHAN SK III GAJI BAGI PARA DOKTORNYA, KINI MENGHADAPI M A S A L A H KEKURANGAN KAKITANGAN YANG TELAH MENYEBABKAN UNIT RAWATAN RAPI JANTUNG (CICU) DITUTUP.

MENYUARAKAN KEBIMBANGANNYA TERHADAP KEADAAN Y A N G DIALAMI SEKARANG, DATUK SERI D R. MAHATHIR BERKATA BELIAU JWGA TELAH MENGELUARKAN ARAHAN UMUM KEPADA SEMUA KEMENTERIAN SUPAYA MENGATASI M A S A L A H MASING-MASING.

LAGI 1800/LK

MAHATHIR-DOKTOR 2 KUALA LUMPUR

'' DALAM KES HOSPITAL UNIVERSITI, I A TERLETAK DI BAWAH BIDANGKUASA KEMENTERIAN PELAJARAN. PARA PEGAWAI KEMENTERIAN SEHARUSNYA MENYEDARI KEADAAN SEBENAR *D A N MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA,'' BELIAU MENAMBAHKATA.

BELIAU ENGGAN MENYATAKAN SAMA ADA KERAJAAN LAMBAT DALAM MELAKSANAKAN SKIM GAJI BARU BAGI PARA DOKTOR.

BAGAIMANAPUN, TEGAS BELIAU, PENYEMAKAN SESUATU SKIM GAJI MEMANGLAH MENGAMBIL MASA.

DATUK SERI D R. MAHATHIR BERSETUJU BAHAWA KENAIKAN PANGKAT D A N PENINGKATAN GAJI DENGAN SENDIRINYA TIDAK AKAN MENGATASI MASALAH KEKURANGAN DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN.

MASIH RAMAI DOKTOR KERAJAAN AKAN MENINGGACKAN' PERKHIDMATAN AWAM UNTUK MEMASUKI SEKTOR SWASTA KERANA IA MENAWARKAN PENDAPATAN YANG LUMAYAN.

''APA JUA TINDAKAN Y A N G KITA AMBIL, KITA MASIH TIDAK BOLEH MENGATASI MASALAH TERSEBUT... D A N INI AKAN BERTERUSAN SELAGI TERDAPAT PERBEZAAN ANTARA GAJI DOKTOR KERAJAAN 'DAN PENDAPATAN DOKTOR SWASTA,'' KATA BELIAU.

-- LAGI 1803/LK .

ZCZC B668

MAHATHIR-DOKTOR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI D R. MAHATHIR BERKATA P A K A R BEDAH CICU HOSPITAL UNIVERSITI, DR. RALALLI HASHIM, TELAH MENEMUINYA UNTUK MENJELASKAN SEBAB-SEBAB PENUTUPAN UNIT TERSEBUT.

''APA YANG SAYA BOLEH BUAT ADA HADNYA. SEKIRANYA ADA ORANG Y A N G TI DAK MAHU BEKERJA, MAHU MELETAKKAN AWATAN D A N MEMULAKAN PRAKTIK UMUM DAN TIDAK M A H U MENJADI' P A K A R BIUS KERANA GAJI YANG KITA BAYAR TIDAK CUKUP... TIDAK A D A APA-APA Y A N G SAYA BOLEH BUAT,'' KATA PERDANA MENTER I.

KATANYA KEKURANGAN DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN AKAN CERTERUSAN SELAGI+ADA ORANG YANG HANYA MEMIKIRKAN GAJI YANG TINGGI.+

DATUK SERI D R. MAHATHIR MENEKANKAN ADALAH MUSTAHIL BAGI KERAJAAN MENAWARKAN GAJI SEPERTI YANG- DIPEROLEHI DALAM SEKTOR SWASTA.

''JADI, W A L A U P U N KITA MENAIKKAN GAJI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN, APA YANG AKAN TERJADI IALAH SEKTOR SWASTA MENAIKKAN KADAR BAYARAN. MEREKA PASTI MENDAPAT PENOAPATAN LEBIH. KITA TIDAK BOLEH BERSAING DENGAN MEREKA, ' ' KATA BELIAU.

-- EERNAMA 1806/LK